

DASAR PENGURUSAN RISIKO JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia,
Kuala Lumpur**

JKR 29201-0002-13



Versi 1.0 Oktober 2013



KANDUNGAN

1.0	TUJUAN DASAR	7
1.1	PERNYATAAN DASAR PENGURUSAN RISIKO	7
2.0	LATAR BELAKANG.....	8
2.1	DEFINISI RISIKO DAN PENGURUSAN RISIKO DALAM KONTEKS JKR	8
3.0	MODEL PENGURUSAN RISIKO JKR.....	9
3.1	RINGKASAN MODEL PENGURUSAN RISIKO	10
3.1.1	<i>Menetapkan konteks</i>	<i>10</i>
3.1.2	<i>Menilai Risiko.....</i>	<i>10</i>
3.1.3	<i>Mengawal Risiko.....</i>	<i>11</i>
3.1.4	<i>Pemantauan dan Kajisemula.....</i>	<i>11</i>
3.1.5	<i>Komunikasi dan Runding</i>	<i>12</i>
4.0	TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO JABATAN	12
4.1	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	15
4.1.1	<i>Tugas Dan Tanggung Jawab Chief Risk Officer, Jabatan Kerja Raya Malaysia.....</i>	<i>15</i>
4.1.2	<i>Tugas Dan Tanggungjawab Risk Champion, Jabatan Kerja Raya Malaysia</i>	<i>15</i>
4.1.3	<i>Tugas Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pemandu</i>	<i>16</i>
4.1.4	<i>Tugas Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Eksekutif</i>	<i>17</i>
4.1.5	<i>Tugas Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Operasi</i>	<i>18</i>
4.1.6	<i>Sekretariat Jawatankuasa Pemandu Dan Jawatankuasa Eksekutif.....</i>	<i>23</i>
4.1.7	<i>Sekretariat Jawatankuasa Operasi.....</i>	<i>24</i>

MUKASURAT INI SENGAJA DIBIAR KOSONG

PERUTUSAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA

Assalamu' alaikum w.b.t dan Salam 1 Malaysia.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, sistem *Enterprise Risk Management* Jabatan Kerja Raya Malaysia telah berjaya dibangunkan dan dilaksanakan hasil kerjasama semua pihak.



Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 bertarikh 20 November 2009 dan Surat Arahan KSN bertarikh 9 Mac 2007, pengurusan risiko hendaklah dilaksanakan dalam tadbir urus kerajaan, khususnya dalam pelaksanaan projek kerajaan.

Amalan pengurusan risiko dalam Jabatan Kerja Raya bermula dalam konteks pengurusan projek, khususnya projek-projek dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9). Bermula pada awal tahun 2007, beberapa projek telah mengaplikasikan kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam garis panduan pengurusan risiko yang dibangunkan secara *in-house*.

Pada tahun 2012, pihak MAMPU telah menetapkan bahawa pengurusan risiko hendaklah juga dilaksanakan di peringkat organisasi yang dikenali sebagai *Enterprise Risk Management* di semua Kementerian dan Agensi Utama. Jabatan Kerja Raya juga telah menyahut seruan ini dan melalui makmal pengurusan risiko telah menghasilkan Kerangka Pengurusan Risiko JKR dan seterusnya mengenalpasti risiko jabatan berdasarkan Kerangka Strategik JKR 2012 – 2015.

Antara objektif utama sistem ini adalah untuk membantu mencapai misi dan visi JKR ke arah perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan dalam pengurusan projek, pengurusan aset dan khidmat kejuruteraan dalam pembangunan infrastruktur negara melalui pengurusan risiko yang efisien.

Saya mengambil kesempatan menyeru kepada semua warga JKR supaya mengambil bahagian secara proaktif dalam pelaksanaan sistem ini. Semoga penerapan amalan pengurusan risiko dalam organisasi tercinta ini dapat meningkatkan imej dan kredibiliti JKR sebagai agensi pelaksana infrastruktur terunggul negara.

(DATO' SERI IR. HAJI MOHD NOOR BIN YAACOB)

Ketua Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Malaysia

MUKASURAT INI SENGAJA DIBIAR KOSONG

1.0 TUJUAN DASAR

Sistem *Enterprise Risk Management* diperkenalkan di Jabatan Kerja Raya dengan tujuan membantu mencapai misi dan visi JKR ke arah perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan dalam pengurusan projek, pengurusan aset dan khidmat kejuruteraan dalam pembangunan infrastruktur negara melalui pengurusan risiko yang efisien. Dalam usaha menjayakan visi dan misi JKR, pelbagai risiko perlu diurus supaya pelan strategik Jabatan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pihak pengurusan atasan JKR telah menetapkan sistem *Enterprise Risk Management* dilaksanakan di semua peringkat organisasi untuk tujuan di atas. Dasar pengurusan risiko JKR diwujudkan dengan tujuan supaya hasrat dan komitmen pihak pengurusan atasan berhubung pengurusan risiko dapat diterjemah dan disebarkan untuk perhatian serta tindakan semua warga jabatan di pelbagai peringkat. Dasar ini juga merupakan dokumen penting dalam menggerakkan semua perancangan dan aktiviti pengurusan risiko dalam usaha membudayakan amalan pengurusan risiko di kalangan warga JKR.

Sehubungan itu, tatacara untuk melaksanakan dasar pengurusan risiko dalam Jabatan adalah dirujuk kepada Garis Panduan Pengurusan Risiko Peringkat Organisasi JKR.

1.1 Pernyataan Dasar Pengurusan Risiko

Komitmen jabatan dalam melaksana pengurusan risiko dizahirkan melalui pernyataan dasar pengurusan risiko jabatan seperti berikut:

"Jabatan Kerja Raya Malaysia menerima pelaksanaan pengurusan risiko sebagai satu amalan penting jabatan dalam aspek pengurusan dan operasi bertujuan untuk membendung dan mengawal risiko yang boleh menjejaskan reputasi dan pencapaian objektif strategik jabatan"

2.0 LATAR BELAKANG

Amalan pengurusan risiko dalam Jabatan Kerja Raya bermula dalam konteks pengurusan projek, khususnya projek-projek dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9). Setelah Garis Panduan Fasilitasi Pengurusan Risiko Projek disiapkan pada awal tahun 2007, beberapa projek telah mengaplikasikan kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut untuk mengurus risiko projek. Sejak daripada itu, lebih banyak projek telah melaksanakan pengurusan risiko termasuk projek pembangunan JKR di Semenanjung Malaysia dan Negeri Sabah.

Pada tahun 2012, pihak MAMPU telah menetapkan bahawa semua Kementerian dan Agensi Utama dikehendaki melaksanakan Pengurusan Risiko peringkat organisasi yang dikenali sebagai *Enterprise Risk Management*. Ketetapan ini juga adalah selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 bertarikh 20 November 2009 dan Surat Arahan KSN bertarikh 9 Mac 2007 berhubung pelaksanaan pengurusan risiko dalam tadbir urus kerajaan. Jabatan Kerja Raya juga tidak ketinggalan dalam perkara ini dan telah melaksanakan makmal pengurusan risiko untuk menghasilkan Kerangka Pengurusan Risiko JKR serta mengenalpasti risiko jabatan berdasarkan Kerangka Strategik JKR 2012 – 2015.

Susulan daripada itu, bengkel pengurusan risiko telah diadakan bertujuan untuk menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko JKR. Dalam pada itu, jawatankuasa pengurusan risiko dilantik sebagaimana yang digariskan dalam Kerangka Pengurusan Risiko.

2.1 Definisi Risiko Dan Pengurusan Risiko Dalam Konteks JKR


Menurut MS ISO 31000:2010,

- Risiko merupakan suatu kejadian atau peristiwa yang memberi impak kepada pencapaian atau objektif sesebuah agensi; dan
- Risiko juga adalah kombinasi daripada kebarangkalian berlakunya kerosakan, kecederaan, kerugian atau kejadian negatif lain akibat kelemahan dalaman atau luaran yang boleh ditangani melalui perancangan awal.

Pengurusan Risiko Jabatan Kerja Raya didefinisikan sebagai pembentukan suatu sistem kawalan bagi menguruskan risiko yang boleh menjejaskan pencapaian jabatan ke arah perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan dalam pengurusan projek, pengurusan aset dan khidmat kejuruteraan dalam pembangunan infrastruktur negara.

3.0 MODEL PENGURUSAN RISIKO JKR

Pelaksanaan pengurusan risiko di JKR mengguna pakai model standard AS/NZ 4360:2009. Standard ini dipilih kerana didapati sesuai dengan struktur organisasi dan operasi JKR. Model tersebut adalah seperti di Rajah 1.



Rajah 1 : Model Pengurusan Risiko: AS/NZ 4360:2009

3.1 Ringkasan Model Pengurusan Risiko

Lima proses utama dalam model pengurusan risiko adalah:

3.1.1 Menetapkan konteks

Objektif utama penetapan bentuk dan peringkat risiko adalah untuk menentu dan memahami kedudukan JKR dalam konteks strategik, program dan operasi. Bagi tujuan itu JKR perlu menjalankan analisis bagi menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang (SWOT) atau melakukan pengimbasan persekitaran luaran bagi mengenal pasti ancaman dari aspek manusia, perundangan, reputasi, kewangan dan operasi atau mengenalpasti faktor-faktor risiko yang memungkinkan risiko wujud. Hasil analisis ini bukan sahaja membantu JKR memahami bentuk risiko yang bakal atau mungkin dihadapi tetapi juga dapat membezakan risiko di peringkat strategik dan operasi.

3.1.2 Menilai Risiko

Menilai risiko yang mungkin dihadapi berdasarkan nilai kuantitatif atau kualitatif impak daripada kemungkinan risiko yang dikenalpasti melalui tiga (3) subproses berikut:

3.1.2.1 Mengenalpasti Risiko

Mengenalpasti potensi terhadap sebarang risiko yang berkemungkinan berlaku di peringkat Jabatan (Jawatankuasa Eksekutif) atau peringkat Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas (Jawatankuasa Operasi).

3.1.2.2 Menganalisis Risiko

Menganalisis risiko yang telah dikenal pasti akan berlaku di Jabatan atau Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas.

3.1.2.3 Mengkategorikan Risiko

Mengkategorikan jenis risiko berdasarkan kepada kemungkinan ianya berlaku dan tahap impak sesuatu risiko terhadap penyampaian perkhidmatan Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas secara khususnya serta Jabatan secara amnya.

3.1.3 Mengawal Risiko

Risiko perlu diurus dengan mengaplikasikan kawalan-kawalan tertentu agar tahap kemungkinan dan/atau impak risiko dapat dikurangkan atau dihapuskan sama sekali. Risiko dirawat melalui beberapa kaedah iaitu:

- a. Terima
- b. Elak
- c. Kurang
- d. Pindah

Pelan rawatan yang telah ditetapkan harus dilaksanakan agar semua risiko diurus sepenuhnya. Lazimnya, risiko yang dirawat dengan berkesan dapat dielakkan daripada menjadi masalah, yang sudah tentu lebih sukar untuk diselesaikan berbanding risiko.

3.1.4 Pemantauan dan Kajisemula

Pelan pengurusan risiko harus dipantau agar tindakan rawatan dilaksanakan mengikut perancangan. Pemantauan yang konsisten dapat menjamin rawatan dijalankan untuk mendapat kesan yang terbaik. Ada ketika keadaan atau suasana dalam projek berubah menyebabkan risiko serta rawatannya perlu dikajisemula. Dalam kajian semula pelan pengurusan risiko, ada kemungkinan terdapat risiko baru dan risiko sedia ada perlu kepada rawatan tambahan agar kawalan risiko dapat dioptimalkan.

3.1.5 Komunikasi dan Runding

Dalam mengurus risiko, perlu ada komunikasi di antara pihak-pihak yang berkepentingan (*stakeholder*). *Stakeholder* adalah terlibat dalam rundingan ketika risiko dikenalpasti, dianalisa, dirawat, dipantau dan dikajisemula. Untuk memastikan pelan pengurusan risiko digubal dan dilaksanakan dengan baik, input daripada semua *stakeholder* adalah penting. Usahasama harus dipertingkatkan melalui mekanisma komunikasi yang berkesan. Satu kaedah komunikasi yang lazim digunakan adalah melalui pelaporan status risiko.


4.0 TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO JABATAN

Untuk membolehkan jabatan menjayakan program pengurusan risiko peringkat organisasi, satu tadbir urus yang cekap perlu diwujudkan. Ketua Pengarah Kerja Raya telah melantik Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan) sebagai *Chief Risk Officer* JKR dan Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat sebagai *Risk Champion* JKR. Pengarah Kanan atau Pengarah Cawangan serta Pengarah Negeri termasuk Unit JKR KESEDAR dan Unit Projek Khas merupakan *Risk Officers* yang bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko di Cawangan, Negeri dan Unit Projek Khas masing-masing.

Selain itu, tiga jawatankuasa yang dibentuk adalah seperti berikut :-

- a. Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko;
- b. Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko;
- c. Jawatankuasa Operasi Pengurusan Risiko.

Rajah 2 menunjukkan kedudukan ketiga-tiga jawatankuasa dalam Carta Tadbir Urus Pengurusan Risiko JKR.



Rajah 2 : Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko JKR Malaysia

MUKASURAT INI SENGAJA DIBIAR KOSONG

4.1 Peranan Dan Tanggungjawab

4.1.1 Tugas Dan Tanggung Jawab *Chief Risk Officer*, Jabatan Kerja Raya Malaysia

- a. Berperanan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko Jabatan Kerja Raya Malaysia;
- b. Menjadi ahli jawatankuasa dalam Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko JKR Malaysia dan menasihati Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia terhadap risiko-risiko utama jabatan;
- c. Melantik ahli-ahli jawatankuasa dan sekretariat dalam Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko JKR Malaysia;
- d. Melantik Pengerusi Jawatankuasa Operasi di Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas;
- e. Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun;
- f. Bertanggungjawab terhadap urus tadbir yang cekap dan berkesan terhadap pengurusan risiko jabatan;
- g. Memantau pelaksanaan dan prestasi pengurusan risiko jabatan;
- h. Memastikan keberkesanan strategi *escalation of risks* diperingkat program dan portfolio.

4.1.2 Tugas Dan Tanggungjawab *Risk Champion*, Jabatan Kerja Raya Malaysia

- a. Menerajui Sekretariat bagi Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko Jabatan Kerja Raya Malaysia;
- b. Menasihati *Chief Risk Officer* JKR terhadap perjalanan Jawatankuasa Eksekutif dalam mengawal risiko-risiko utama jabatan;
- c. Memastikan pelaksanaan program pengurusan risiko jabatan agar berjalan lancar di semua peringkat;

- d. Memantau proses *escalation of risks*;
- e. Memastikan pelaksanaan kajian keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko jabatan.

4.1.3 Tugas Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pemandu

Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko JKR dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya dan dianggotai oleh ketiga-tiga Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya. Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat merupakan Setiausaha bagi Jawatankuasa Pemandu.

Komposisi ahli Jawatankuasa Pemandu adalah seperti Jadual 1.

Jawatan	Pegawai
Pengerusi	KPKR
Setiausaha	Pengarah CPK
Sekretariat	Bahagian Pengurusan Sistem Bersepadu
Ahli	TKPKR (Sektor Pengurusan)
Ahli	TKPKR (Sektor Bisnes)
Ahli	TKPKR (Sektor Pakar)

Jadual 1 : Komposisi Keahlian Jawatankuasa Pemandu

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pemandu adalah:-

- a. Menentukan arah tuju strategik pengurusan risiko jabatan;
- b. Menetapkan Dasar pengurusan risiko jabatan;
- c. Memantau prestasi pelaksanaan dan keberkesanan pengurusan risiko jabatan;
- d. Meluluskan Dasar termasuk sebarang pindaan terhadap Dasar.

4.1.4 Tugas Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko JKR dipengerusikan oleh *Chief Risk Officer*, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan) dan dianggotai oleh semua Pengarah Kanan dan Pengarah Cawangan, tiga (3) Pengarah Negeri (mewakili Pengarah-Pengarah Negeri), Ketua Bahagian Kewangan dan Ketua Bahagian Naziran dan Integriti. Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat merupakan Setiausaha bagi Jawatankuasa Eksekutif.

Komposisi ahli Jawatankuasa Eksekutif adalah seperti di Jadual 2.

Jawatan	Pegawai
Pengerusi	TKPKR (Sektor Pengurusan)
Setiausaha	Pengarah CPK
Sekretariat	Bahagian Pengurusan Sistem Bersepadu
Ahli	Pengarah Kanan/Pengarah Sektor Pengurusan
Ahli	Pengarah Kanan/Pengarah Sektor Bisnes
Ahli	Pengarah Kanan/Pengarah Sektor Pakar
Ahli	Diwakili oleh 3 Pengarah JKR Negeri
Ahli	Ketua Bahagian Kewangan
Ahli	Ketua Bahagian Naziran & Integriti

Jadual 2 : Komposisi Keahlian Jawatankuasa Eksekutif

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Eksekutif adalah:-

- Membangunkan strategi dan infrastruktur bagi pengurusan risiko jabatan;
- Memantau pelaksanaan dan prestasi pengurusan risiko di peringkat cawangan dan negeri secara keseluruhan;
- Membuat keputusan ke atas risiko yang diangkat naik (*escalated risks*) ke peringkat portfolio dan program;
- Meluluskan dokumen pengurusan risiko jabatan termasuk pindaan kecuali Dasar;

- e. Meluluskan program pembangunan dan latihan pengurusan risiko jabatan.

4.1.5 Tugas Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Operasi

Jawatankuasa Operasi Pengurusan Risiko di pengurusikan oleh *Risk Officers* yang terdiri daripada Pengarah-Pengarah Cawangan, JKR Negeri termasuk Unit JKR KESEDAR dan Unit Projek Khas. Bagi Ketua Cawangan yang terdiri daripada Pengarah Kanan, salah satu Pengarah Cawangan berkenaan akan dilantik sebagai *Risk Officer* bagi cawangannya.

Ahli-ahli Jawatankuasa Operasi terdiri daripada pegawai-pegawai kanan yang bertanggungjawab terhadap operasi dan strategik Cawangan, Negeri atau Unit Projek Khas. Sekretariat boleh dilantik dari kalangan pegawai-pegawai kanan yang bersesuaian seperti Ketua Unit Korporat, Ketua Pejabat Portfolio atau seumpamanya.

Komposisi ahli Jawatankuasa Operasi adalah seperti di Jadual 3.

Jawatan	Pegawai
Pengerusi	Pengarah Cawangan/ JKR Negeri/Unit Projek Khas
Setiausaha	Ketua Unit Korporat/Pejabat Portfolio (atau mana-mana Ketua Unit yang difikirkan sesuai)
Sekretariat	Unit yang diketuai oleh Setiausaha
Ahli	Semua Ketua Unit
Ahli	Semua Jurutera Daerah
Ahli	Pegawai Kanan Lain (J54/52/48) (yang difikirkan sesuai)
Ahli	Ketua Unit Kewangan
Ahli	Pegawai Integriti


Jadual 3 : Komposisi Keahlian Jawatankuasa Operasi (Cadangan)

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Operasi adalah:-

- a. Memastikan pelaksanaan pengurusan risiko di peringkat Cawangan, JKR Negeri atau Unit Projek Khas berdasarkan Dasar semasa;
- b. Memantau dan mengawal pelaksanaan Pelan Pengurusan Risiko di peringkat Cawangan, JKR Negeri atau Unit Projek Khas;
- c. Melapor prestasi pengurusan risiko kepada Jawatankuasa Eksekutif;
- d. Memastikan amalan pengurusan risiko yang mampan melalui program pembangunan dan latihan di kalangan kakitangan JKR.

Rajah 3 menunjukkan cadangan struktur tadbir urus Jawatankuasa Operasi di Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas.

MUKASURAT INI SENGAJA DIBIAR KOSONG



Rajah 3 : Cadangan Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Operasi di Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas

MUKASURAT INI SENGAJA DIBIAR KOSONG

4.1.6 Sekretariat Jawatankuasa Pemandu Dan Jawatankuasa Eksekutif

Sekretariat merupakan urusetia di peringkat Ibu Pejabat JKR iaitu Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Eksekutif dan diterajui oleh Setiausaha. Peranan dan tanggungjawab sekretariat dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sistem Bersepadu, Cawangan Pengurusan Korporat JKR.

Tugas dan tanggungjawab Sekretariat Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Eksekutif adalah:-

- a. Melaksanakan tugas-tugas keurusetiaan bagi kedua-dua JK Pemandu dan JK Eksekutif;
- b. Mengambil catatan minit mesyuarat dan menyediakan minit untuk edaran/maklumbalas;
- c. Menyenggara Pelan Pengurusan Risiko, Daftar Risiko Jabatan dan Templat Analisis Risiko termasuk menjalankan kajian semula (*review*) dokumen;
- d. Mendaftar semua risiko yang diangkatnaik (*escalated risks*) dan mencatat keputusan dalam Jadual *Risk Escalation*;
- e. Memantau pelaksanaan pengurusan risiko dan mendapatkan laporan kemajuan ;
- f. Menyediakan dan melaporkan status pengurusan risiko jabatan;
- g. Menyelaras keputusan yang dicapai dalam mesyuarat untuk tindakan pemilik risiko.
- h. Membantu melaksanakan kajian keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko jabatan.

4.1.7 Sekretariat Jawatankuasa Operasi

Sekretariat berfungsi sebagai urusetia bagi Jawatankuasa Operasi di Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas dan diterajui oleh Setiausaha. Setiausaha boleh dilantik dari kalangan pegawai-pegawai kanan yang bersesuaian seperti Ketua Unit Korporat, Ketua Pejabat Portfolio atau seumpamanya. Peranan dan tanggungjawab Sekretariat dilaksanakan oleh Unit yang diketuai oleh Setiausaha.

Tugas dan tanggungjawab Sekretariat Jawatankuasa Operasi adalah:-

- a. Melaksanakan tugas-tugas keurusetiaan JK Operasi;
- b. Menasihati Pengerusi terhadap perjalanan Jawatankuasa Operasi dalam mengawal risiko-risiko utama Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas;
- c. Mengambil catatan minit mesyuarat dan menyediakan minit untuk edaran/maklumbalas;
- d. Menyenggara Pelan Pengurusan Risiko, Daftar Risiko dan Templat Analisis Risiko Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas;
- e. Mengurus proses *escalation of risks* dari peringkat operasi ke peringkat program dan portfolio dalam Jadual *Risk Escalation*;
- f. Melaksanakan kajian keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas.